

# UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

## Press Release Kenyataan media



14 April 2023

Chancellory Division  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Tel +60 82 51216  
Fax +60 82 665088  
Email: azadnurlisa@unimas.my

### **Program Sungkey UNIMAS eratkan silaturrahim warga kampus dan semarakkan keindahan bulan suci Ramadan**

Kota Samarahan, 14 April 2023 : Program Sungkey UNIMAS yang diadakan saban tahun mendapat sambutan yang menggalakkan daripada seluruh warga kampus. Berkonsepkan tempat yang terbuka dengan pemandangan kampus yang indah di Chancellory Bucida Square, para pelajar dan staf boleh mengambil peluang ini untuk beramah mesra selain berkongsi rezeki dengan juadah yang disediakan.

Turut hadir bersama-sama dalam Program Sungkey ini adalah pengurusan tertinggi Universiti yang diserikan dengan kehadiran Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Ybhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong bin Matjeraie, Naib Canselor UNIMAS, YBhg. Professor Datuk Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi dan barisan akademik.

Selain itu, pelancaran Lemari Madani HELP\_A, turut dilancarkan oleh Ybhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong bin Matjeraie bersama YBhg. Professor Datuk Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi dan Ybhg. Professor Ir. Ts. Dr. Al-Khalid bin Haji Othman, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Lemari Madani HELP\_A ini dikendalikan oleh HEPA yang berinisiatif untuk membantu pelajar yang memerlukan.

Sumbangan yang dikumpul ialah berbentuk makanan dan minuman untuk pelajar yang memerlukan. Bahkan, HEPA juga menerima sumbangan daripada staf UNIMAS serta juga sumbangan daripada pihak luar.

Lemari Madani HE-L-PA ini diletakkan di level LG Bangunan HEPA iaitu tempat pelajar berkumpul menunggu bas. Tempat ini dilihat strategik dan memudahkan pelajar mengambil terus makanan yang diperlukan. Pihak pengurusan HEPA akan menyerahkan pengurusan Lemari Madani HELP\_A ini kepada Majlis Perwakilan Pelajar.

Untuk memastikan kesinambungan usaha mulia ini, HEPA sangat mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak secara berterusan.

Daripada maklum balas pelajar mengenai program ini, sangat mendapat sambutan yang baik dan pihak pelajar sangat menghargai sumbangan sebegini dalam membantu mereka yang tidak mampu. Diharapkan program ini diadakan berterusan dan lebih ramai lagi penyumbang akan turut serta.

**U N I M A S**